

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 13 Jun 2017

Khazanah bakal terbit *tranche* kedua Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)

Hasil terbitan bakal digunakan untuk membiayai lebih banyak sekolah baharu bawah Program Sekolah Amanah

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) hari ini mengumumkan akan menerbitkan *tranche* kedua Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (“SRI”) bernilai RM100 juta melalui syarikat tujuan khas bebas, Ihsan Sukuk Bhd. Sukuk SRI ini telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan II, YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Lanjutan daripada terbitan pertama Sukuk SRI bernilai RM100 juta yang telah memenangi pelbagai anugerah pada tahun 2015, hasil daripada terbitan *tranche* kedua sukuk ini akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan sekurang-kurangnya 20 buah lagi sekolah baharu bawah Program Sekolah Amanah Yayasan Amir (“YA”). YA adalah sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang telah ditubuhkan oleh Khazanah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan melalui kerjasama sektor awam-swasta bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada akhir tahun 2016, Program Sekolah Amanah telah dilaksanakan di 83 buah sekolah di 10 buah negeri, yang memberi manfaat kepada kira-kira 65,000 pelajar di seluruh negara.

Sukuk SRI ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Khazanah untuk menjana inovasi dalam bidang kewangan Islam sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global. Sebahagian daripada *tranche* kedua Sukuk SRI RM100 juta ini akan mempunyai bahagian runcit bagi memberi peluang kepada orang perseorangan untuk terlibat dalam menyokong pelaksanaan Program Sekolah Amanah seterusnya. Struktur unik pulangan yang berkurangan serta pilihan untuk melepaskan pelaburan pokok Sukuk SRI ini membolehkan para pelabur membuat sumbangan secara berperingkat serta menderma kepada Program Sekolah Amanah.

Menurut Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Ghani: “Malaysia sekarang berada di barisan hadapan dalam Kewangan Islam melalui usaha-usaha badan kawal selia, sokongan padu daripada institusi dan sektor korporat, termasuklah Khazanah dan juga semangat inovasi dalam sektor kewangan Islam. Sukuk SRI Khazanah ini terus dapat membantu untuk memperkukuhkan kedudukan negara, selain membuka lembaran baharu dalam pasaran modal Malaysia melalui pembiayaan beretika dan berimpak sosial”.

Sementara itu, menurut Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar: “Selepas kejayaan Sukuk SRI pertama, Khazanah maju selangkah lagi ke hadapan dengan menerbitkan *tranche* kedua sukuk berkenaan untuk terus menyokong Program Sekolah Amanah. Pada masa yang sama, Khazanah terus menyumbang kepada pembangunan sektor kewangan Islam menerusi kaedah yang kami yakin adalah kewangan sebenar yang mana pembiayaan berkait rapat dengan aktiviti yang meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat. Untuk *tranche* kedua ini, Khazanah juga akan memulakan kempen pembiayaan-awam yang mana orang ramai dapat memberikan sokongan masing-masing kepada YA.”



KHAZANAH
NASIONAL

Struktur Sukuk SRI ini berlandaskan prinsip syariah Wakalah Bi Al-Istithmar. CIMB Investment Bank Berhad (“CIMB”) bertindak sebagai pengatur tunggal sementara Maybank Investment Bank dan RHB Investment Bank merupakan Pengurus Akaun Bersama dan Pengurus Utama Bersama untuk Sukuk SRI ini.

TAMAT

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian tel +603 2034 000 atau e-mel raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk menguruskan aset-aset komersial milik Kerajaan dan melaksanakan pelaburan-pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, riadah & pelancongan, hartanah kreatif & media, pendidikan dan inovasi & teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my